

Hubungan Penguasaan Bahasa Inggeris dengan Tahap Keberkesanan Kemahiran Insaniah Pelajar di  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(*The Relationship between the English Proficiency and the Effectiveness of Soft Skills of Students in  
National University of Malaysia*)

MOHD HASIMI YAACOB, MOHD HELMI ALI & NURHIDAYANI ABD WAHAB

ABSTRAK

Tugas utama sesebuah universiti ataupun institut pengajian tinggi (IPT) bukan sahaja melahirkan graduan yang cemerlang dalam bidang akademik dan mempunyai kepakaran teknikal sahaja malah pihak universiti juga perlu memastikan bahawa graduan yang dilahirkan berkebolehan tinggi dan mempunyai pelbagai kemahiran, contohnya kemahiran insaniah supaya dapat bersaing dalam dunia pekerjaan sebenar kelak. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bagi tujuan untuk mengkaji hubungan penguasaan bahasa Inggeris dengan tahap keberkesanan kemahiran insaniah pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. Penguasaan bahasa Inggeris dilihat melalui kecenderungan pelajar memupuk minat membaca bahan bahasa Inggeris, berlatih bertutur dalam bahasa Inggeris dan berminat menyertai kempen bahasa Inggeris. Manakala, kemahiran insaniah yang dikaji adalah seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran membuat keputusan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui borang soal selidik bagi proses pengumpulan data. Hasil kajian daripada analisis Smart PLS mendapati penguasaan bahasa Inggeris berupaya bertindak sebagai pemboleh ubah peramal yang penting kepada kemahiran insaniah pelajar seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran membuat keputusan. Secara keseluruhannya, bahasa Inggeris mempunyai impak yang signifikan terhadap pembentukan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Oleh itu, pihak universiti serta IPT perlu memandang serius akan perkara ini agar dapat menghasilkan graduan yang berketerampilan dalam semua aspek.

Kata kunci: penguasaan bahasa Inggeris, kemahiran insaniah

ABSTRACT

*The main task of a university or institute of high education (IPT) not only produce graduates who excel in academic and technical expertise alone but the university must also ensure that graduates produced are high caliber and have a variety of skills, eg soft skills in order to compete in the real world of job someday. Accordingly, for the purposes of this study to investigate the relationship of English proficiency with the effectiveness of the soft skills of students in Universiti Kebangsaan Malaysia. English proficiency is seen by student's proneness to cultivate the habit of reading materials in English, practice speaking in English and will join the English campaign. Meanwhile, soft skills were such as communication skills, problem solving skills, teamwork skills, leadership skills and decision-making skills. This study used quantitative methods through questionnaires for data collection. The results from the analysis of Smart PLS found English proficiency capable of acting as an important predictor variables on soft skills such as communication skills, problem solving skills, teamwork skills, leadership skills and decision-making skills. Overall, the English proficiency have a significant impact on the formation of soft skills among students. Therefore, universities will have to seriously consider this matter in order to produce graduates who are competent in all aspects.*

Keywords: *English proficiency, soft skills*

## PENGENALAN

Tugas utama sesebuah universiti ataupun institut pengajian tinggi (IPT) adalah melahirkan bakal graduan yang cemerlang akademiknya dan dilengkapi ciri-ciri kemahiran insaniah yang diperlukan oleh negara. Basri et al., (2012). Namun yang demikian, Mohamad Hazrul (2012) menyatakan bahawa majikan berpendapat kualiti graduan masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Dalam dua pernyataan ini, ianya jelas menunjukkan terdapatnya ruang permintaan daripada majikan yang belum dipenuhi secara mutlaknya oleh IPT. Faktor yang nyata seperti kecemerlangan akademik mudah diterjemah melalui keputusan yang diperoleh graduan. Namun, kemahiran insaniah yang lebih subjektif tidak mempunyai satu medium yang jelas kepada majikan sebagai panduan. Keperluan kepada kedua-dua elemen ini amat penting kepada majikan pada waktu pemilihan pekerja. Ini adalah disebabkan majikan melihat pekerja adalah salah satu bentuk pelaburan. Oleh yang demikian, pemilihan pekerja yang mempunyai pakej yang lengkap adalah kritikal kepada firma secara umumnya. Kriteria seorang pekerja yang baik bukan tertumpu kepada kelayakan akademiknya sahaja, malahan terdapat beberapa faktor-faktor yang lain juga memainkan peranan yang tidak kurang penting.

Secara praktikalnya, kemahiran insaniah amat sukar untuk diukur oleh pihak majikan dalam proses pemilihan pekerja. Namun, penguasaan bahasa Inggeris digunakan sebagai satu alat pengukur yang digunakan oleh majikan untuk menilai graduan bagi memilih pekerja di syarikat mereka (Adibah dan Azizah, 2008). Menurut Jumrang (2004), sekiranya pelajar tidak menguasai bahasa Inggeris dengan baik, ia akan menyebabkan mereka sukar untuk memahami ilmu yang disampaikan. Ini akan menyebabkan proses pembelajaran terganggu kerana mereka tidak dapat menerima apa yang diajar dengan sebaiknya. Pandangan ini disokong oleh Low (2004) dengan menyatakan pelajar yang sukar memahami bahasa Inggeris akan berhadapan dengan masalah dalam proses pembelajaran. Kemahiran insaniah tidak terlahir daripada proses pembelajaran secara terus seperti pembelajaran akademik yang lebih berstruktur. Menurut Juliza Ezaida (2014), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2006 telah menyatakan bahawa antara ciri-ciri kemahiran insaniah termasuklah kemahiran berkomunikasi, menguruskan maklumat dengan berkesan, kemahiran kerja berpasukan, kepimpinan, berfikir secara kreatif dan kritis, berupaya menyelesaikan masalah, proses pembelajaran secara berterusan serta mempunyai nilai dan etika yang positif.

Justeru, kajian ini dijalankan adalah bertujuan bagi membuktikan hubungan penguasaan bahasa Inggeris dengan kemahiran insaniah. Secara ringkasnya, kajian ini meneroka persoalan; adakah penguasaan bahasa Inggeris menentukan tahap keberkesanan pembentukan kemahiran insaniah dalam kalangan graduan.

## KAJIAN LEPAS DAN PEMBINAAN HIPOTESIS

### Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris dan Impak Kepada Proses Pembelajaran

Bahasa Inggeris merupakan bahasa utama di negara-negara Barat seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, di negara-negara Komanwel termasuk Australia dan Kanada, dan juga di bekas koloni British yang lain. Menurut Mohd Taib, (2008), sekitar 377 juta orang menjadikan bahasa Inggeris ini sebagai bahasa ibunda untuk bertutur manakala selebihnya pula menjadikannya sebagai bahasa kedua. Malaysia turut menjadikan ia sebagai bahasa kedua terpenting selepas Bahasa Melayu

Sehubungan itu, penggunaan bahasa Inggeris dalam silibus pembelajaran Malaysia telah lama dipraktikkan secara formal seawal di peringkat pendidikan pra-sekolah lagi (Siti Hamin et al., 2008). Pelajaran bahasa Inggeris ini adalah wajib bagi peringkat pendidikan sekolah rendah sehingga peringkat menengah. Malah, bahasa Inggeris juga merupakan medium utama yang digunakan dalam proses pembelajaran di kebanyakan kolej dan IPT. Penguasaan bahasa Inggeris telah menjadi satu isu penting dalam pendidikan tinggi di Malaysia (Musa et al., 2012).

Pelajar akan mengalami masalah dalam pembelajaran seperti kesukaran untuk memahami ilmu yang disampaikan dalam bahasa Inggeris sekiranya pelajar itu tidak menguasai kemahiran berbahasa tersebut dengan baik (Low, 2004 dan Jumrang, 2004)

Kebanyakan pelajar tidak mempunyai keyakinan untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris sewaktu sesi pembelajaran berlangsung (Aziz, 2005). Ini menyebabkan pelajar tidak mahu melibatkan diri dalam aktiviti bersoal jawab yang memerlukan mereka berbahasa Inggeris kerana malu diejek oleh rakan-rakan. Justeru, pelajar kembali ke zon selesa dengan menggunakan bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu berbanding bahasa Inggeris dalam aktiviti harian mereka (Tarmizi, 2003). Tambahan kepada isu ini, pengaruh bahasa ibunda yang kuat dalam kalangan pelajar IPT awam yang majoritinya terdiri daripada

bangsa Melayu. Justeru, penggunaan bahasa Inggeris terus dipinggirkan biarpun kepentingannya disedari (Kadir dan Noor, 2015)

Penguasaan bahasa Inggeris berpunca daripada sikap dan inisiatif individu itu sendiri (Fathman, 1986) yang mana pelajar perlu mempraktikkan komunikasi dalam bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian dengan melakukan latihan secara kerap dan belajar untuk meningkatkan perbendaharaan kata atau menyusun ayat supaya dapat berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan baik. Untuk menguasai bahasa Inggeris ini, pelajar perlu mendapat pendedahan yang lebih luas agar mereka lebih yakin pada diri sendiri.

### Kemahiran Insaniah

KPT (2006) memberi tafsiran kemahiran insaniah sebagai kemahiran generik yang mengandungi elemen kognitif iaitu kemahiran umum yang berkaitan dengan keupayaan seseorang individu untuk berfungsi dan dapat memberi sumbangan secara berkesan sama ada melalui cara berkomunikasi, penyelesaian masalah, pemikiran yang kreatif serta kemampuan bertindak sebagai anggota kerja berpasukan dengan berkesan.

Menurut Jumaatol (2006), kemahiran ditafsirkan sebagai kebolehan seseorang individu dalam mempersembahkan semua aktiviti dari segi fizikal dan mental. Kemahiran insaniah dalam bahasa Inggeris adalah *soft skills, essential skills, human skills* serta *non-technical skills*. Kemahiran insaniah juga dilihat sebagai kemahiran umum yang dapat meningkatkan keberkesanan bekerja, mengurus masalah dengan baik serta keupayaan bekerja dalam pasukan (Azalya, 2003). Kajian lepas amat mementingkan keberkesanan kemahiran insaniah dari pelbagai sudut.

### Kemahiran Berkomunikasi

Perkataan komunikasi berasal daripada perkataan *comunicare* yang bermaksud perhubungan. Komunikasi didefinisikan sebagai kesamaan atau sama. Maksud komunikasi juga adalah perkongsian maklumat antara pihak sumber dengan pihak penerima (Mohd Taib, 2008). Iksan et al., (2012) memberi tafsiran komunikasi sebagai satu proses untuk pertukaran maklumat melalui lisan dan bukan lisan. Ashari et al., (2010) turut merujuk komunikasi sebagai sebuah proses dua hala yang mengandungi proses mendengar dan bertindak balas terhadap maklumat yang ingin disampaikan.

Penguasaan sesuatu bahasa adalah penting dalam memastikan komunikasi yang berkesan. Sebagai contoh, sekiranya seseorang individu itu gagal untuk berkomunikasi dengan baik disebabkan faktor

penguasaan bahasa, maka akan berlaku masalah dalam proses pemindahan dan penerimaan maklumat yang seterusnya akan memberi kesan kepada maklumat yang ingin disampaikan.

Kajian Muhammad Qasim et al., (2015) mendapati bahawa Guru Besar yang menguasai bahasa Inggeris dengan baik akan mampu berkomunikasi dengan baik melalui penyampaian pesanan dan pemberitahuan rasmi dari jabatan yang terlibat. Manakala menurut kajian Nisreen Al-Khawaldeh et al., (2016), kelemahan dalam penguasaan bahasa Inggeris telah menyekat perkembangan diri ahli akademik di Universiti Jordan dalam kemahiran berkomunikasi dan pengendalian maklumat terutamanya bagi memahami, mentafsir dan menyampaikan maklumat, dalam proses pembelajaran mahupun pengajaran. Oleh itu, hipotesis yang dibina adalah:

H1: Terdapat perkaitan yang positif di antara penguasaan bahasa Inggeris dengan kemahiran berkomunikasi

### Kemahiran Menyelesaikan Masalah

Kemahiran menyelesaikan masalah merupakan satu kemahiran yang amat penting kerana dapat membantu individu untuk lebih peka pada sebarang masalah yang timbul serta mampu berfikir secara kritis untuk penyelesaian terhadap masalah tersebut (Ashari et al., 2010). KPT (2006) turut bersetuju dengan mendefinisikan kemahiran menyelesaikan masalah sebagai kebolehan seseorang individu untuk berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, serta dapat memahami dan mengesan sebarang masalah dengan cepat.

Kemahiran menyelesaikan masalah perlu dimiliki setiap pelajar supaya jati diri dapat dibentuk dengan lebih cekap dan berkesan (Bjorkland dan Pellegrini, 2000). Hal ini kerana, melalui pemikiran secara kritis, sesuatu alasan dapat dinilai dengan menggunakan kriteria yang munasabah dan menggunakan pelbagai strategi untuk mendapatkan maklumat yang boleh dipercayai sebagai bukti yang boleh menyokong sesuatu keputusan (Rodiah et al., 2009). Menurut Mohd Uzi (2006), menerusi pendekatan penyelesaian masalah ini, pelajar akan cuba untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan menggunakan pelbagai cara tanpa memikirkan sama ada masalah itu dapat diselesaikan atau tidak.

Penguasaan bahasa juga amat penting sebagai satu medium untuk memperoleh maklumat. Dalam era maklumat tanpa sempadan, kebanyakan sumber maklumat adalah menggunakan bahasa Inggeris yang kini dianggap sebagai *lingua franca* dunia. Cruz dan

Bullecer (2016) membuat kajian mengenai kesan penguasaan dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Filipina ke atas kemahiran menyelesaikan masalah dalam subjek Matematik dan salah satu hasil kajian mereka adalah individu yang menguasai bahasa Inggeris dengan baik dapat meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dan membantu mereka dalam menyelesaikan masalah dalam subjek tersebut. Manakala De Bortoli dan Macaskill, (2014) pula mendapati pelajar yang mengamalkan bahasa Inggeris di rumah menunjukkan keupayaan menyelesaikan masalah dengan lebih tinggi (skor purata 526 mata) berbanding pelajar yang mengamalkan bahasa selain bahasa Inggeris di rumah (purata skor 509 mata).

Justeru, penguasaan bahasa Inggeris yang baik adalah salah satu kelebihan kepada pelajar. Maklumat yang banyak dari pelbagai sumber yang berlainan bahasa dapat mencetuskan idea yang berbeza-beza dalam memastikan masalah itu dapat diselesaikan. Oleh itu, hipotesis yang dibina adalah seperti berikut:

H2: Terdapat perkaitan yang positif di antara penguasaan bahasa Inggeris dengan kemahiran menyelesaikan masalah

#### Kemahiran Bekerja dalam Kumpulan

Marni et al., (2005) telah mendefinisikan kerja dalam kumpulan sebagai satu atribut yang melibatkan kebolehan individu untuk bekerja dengan sesiapa sahaja walaupun berbeza latar belakang bagi mencapai matlamat tertentu. Kepelbagaian latar belakang memberikan ruang yang kecil kepada pelajar yang tidak menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Kemahiran bekerja dalam kumpulan ini memerlukan setiap ahli kumpulan untuk berbincang bersama-sama bagi tujuan memperoleh hasil dan matlamat yang sama.

Bekerja dalam kumpulan dapat memberi galakan kepada individu untuk bekerjasama dengan individu lain bagi melaksanakan tugas yang diberikan. Kemahiran ini turut menggabungkan kekuatan mental, fizikal dan emosi individu yang boleh memberi kesan kepada kumpulannya. Kemahiran ini memerlukan seorang pekerja untuk berkomunikasi, memberi motivasi, membantu menyelesaikan masalah dan memberi tunjuk ajar kepada orang lain (Abdul Rashid et al., 2008).

Kemahiran berbahasa Inggeris adalah elemen penting yang mempengaruhi kerjasama dalam pasukan bagi persekitaran kerja yang merentas negara. Hal ini kerana kelemahan dalam menguasai bahasa Inggeris akan menjejaskan keyakinan diri individu untuk bekerjasama dan berkomunikasi dengan ahli pasukan

yang datang dari pelbagai negara, selain daripada mengurangkan penyertaan individu tersebut dalam perbincangan kumpulan. (Collins et al., 2015). Menurut kajian Sarwari et al. (2016), kelemahan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar tempatan dan antarabangsa serta perbezaan sebutan dan fahaman linguistik memberi kesan negatif terhadap proses interaksi di antara mereka yang seterusnya menjejaskan kerjasama mereka sebagai satu pasukan.

Kemahiran kerja berpasukan melibatkan kebolehan individu untuk membina hubungan baik dengan berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain serta dapat bekerjasama secara efektif. Kemahiran kerja berpasukan adalah penting kerana menjadi salah satu penentu kepada kejayaan sesebuah organisasi. Oleh itu, para pelajar perlu melengkapkan diri mereka dengan kemahiran bekerja dalam kumpulan sama ada kumpulan kecil mahupun besar untuk mempersiapkan diri mereka apabila mereka bekerja dalam sesebuah organisasi kelak. Hipotesis yang terbina adalah:

H3: Terdapat perkaitan yang positif di antara penguasaan bahasa Inggeris dengan kemahiran bekerja dalam kumpulan

#### Kemahiran Kepimpinan

Menurut Walker (2003) penglibatan dalam badan beruniform merupakan salah satu cara untuk membangunkan kemahiran memimpin dalam diri pelajar yang mana para pelajar dapat menonjolkan bakat dan meningkatkan potensi diri melalui pembelajaran kokurikulum. Selain itu, kemahiran kepimpinan dan personaliti yang positif dalam diri pelajar boleh dibina melalui aktiviti yang dijalankan oleh kelab dan persatuan (Mohd. Sofian et al., 2002). Pernyataan ini juga turut dipersetujui oleh Mohd Hamidi (2002) yang berpendapat bahawa pelajar hanya akan mempelajari kemahiran kepimpinan melalui teladan dan pengalaman yang dirasainya sendiri kerana memimpin juga berkait rapat dengan kehidupan seharian manusia. Menurut Abdul Rashid et al., (2008), kemahiran kepimpinan wujud dalam diri seseorang yang mampu memberikan pengaruh kepada orang lain melalui sikap dan perbuatannya dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Tambahan lagi, pemimpin juga harus mempunyai kecekapan untuk mengendalikan sesebuah perkara dan berkemampuan untuk memahami pelbagai situasi. Seseorang pemimpin perlu lebih peka terhadap isu globalisasi yang memerlukan penguasaan bahasa pengantar dunia iaitu bahasa Inggeris. Kajian Muhammad Qasim et al., (2015) juga mendedahkan

bahawa kemahiran berbahasa Inggeris memberi keyakinan kepada guru besar untuk memimpin dan mengetuai orang bawahan dengan lebih baik. Oleh itu, kajian ini berhipotesis:

H4: Terdapat perkaitan yang positif di antara penguasaan bahasa Inggeris dengan kemahiran kepimpinan

#### Kemahiran Membuat Keputusan

Harris (2009) mendefinisikan membuat keputusan sebagai satu proses mengurangkan rasa keraguan terhadap senarai alternatif untuk membuat pilihan yang munasabah. Senarai alternatif yang disediakan seharusnya tidak mengenyahkan sebarang pilihan yang ada atas dasar bahasa. Selain itu, pemahaman yang jelas terhadap alternatif juga amat penting dalam pembuatan keputusan. Dengan maklumat yang lebih terperinci, pembuat keputusan perlu bijak menilai risiko agar pilihan yang dibuat tidak memberi sebarang kesan yang negatif. Hasil dapatan kajian lepas ini menunjukkan bahawa pelajar yang bijak dipercayai boleh membuat keputusan dengan bijak yang mana keputusan yang dibuat tidak terburu-buru dan semua pilihan dipertimbangkan sebaik mungkin terlebih dahulu.

Kemahiran berbahasa juga mempengaruhi kemahiran membuat keputusan seseorang individu. Menurut kajian de Weger (2015), tahap penguasaan bahasa Inggeris memberi kesan kepada bagaimana sesebuah keputusan itu dibuat. Kajian ini menggunakan responden yang berbeza negara dengan tahap penguasaan bahasa Inggeris yang berbeza. Hasil kajian mendapati mereka yang mempunyai kemahiran bahasa Inggeris yang lebih baik akan mempunyai lebih banyak pilihan jawapan dan lebih memahami sesuatu perkara itu dengan lebih terperinci, maka keputusan, kesimpulan atau pandangan yang dibuat akan lebih menyeluruh berbanding mereka yang lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris. Berdasarkan kepada hujah ini, kajian ini berhipotesis:

H5: Terdapat perkaitan yang positif di antara penguasaan Bahasa Inggeris dengan kemahiran membuat keputusan

Daripada hasil kajian-kajian lepas ini mendapati walaupun terdapat pelbagai isu dan cabaran pada tahap kemahiran insaniah dan penguasaan bahasa Inggeris para pelajar pada masa kini, pelajar seharusnya cuba untuk menangani perkara-perkara tersebut bagi memastikan mereka mampu menempatkan diri dalam dunia pekerjaan sebenar. Oleh itu, graduan

hari ini haruslah memastikan diri mereka mempunyai kemahiran insaniah dan penguasaan bahasa Inggeris yang baik apabila mereka tamat pengajian kelak.

#### KAEDAH PENYELIDIKAN

Sesebuah kajian memerlukan kaedah penyelidikan yang tersusun dan sistematik bagi mendapatkan hasil kajian yang diinginkan. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif di mana pengkaji menggunakan borang soal selidik dalam membuat pengumpulan data. Perolehan data ini adalah melalui dua cara iaitu sebanyak 50 peratus bagi pengedaran borang soal selidik secara bersemuka, manakala 50 peratus lagi adalah melalui atas talian (*google docs*). Kaedah bersemuka adalah melalui pertemuan sendiri pengkaji dengan responden yang terlibat. Manakala, soal selidik yang dibina melalui program *google docs* pula diedarkan melalui penghantaran emel kepada responden yang disasarkan. Responden yang terlibat bagi kedua-dua kaedah dipastikan terlebih dahulu individu yang berbeza dan tiada penyertaan dua kali bagi individu yang sama.

Kajian ini menggunakan pensampelan kelompok yang mana menurut Sekaran dan Bougei (2013), pensampelan kelompok adalah pensampelan yang mengumpulkan responden dalam suatu kumpulan. Sampel data bagi kajian ini terdiri daripada 400 orang pelajar yang mewakili pelajar prasiswazah tahun 1 hingga tahun 4 bagi lapan fakulti yang terletak di kampus induk Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan iaitu Fakulti Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Undang-Undang, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Pendidikan Islam serta Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat. Pelajar yang berdaftar dengan PKP seperti pelajar hujung minggu dan pelajar eksekutif serta pelajar di kampus UKM Kuala Lumpur tidak terlibat dalam kajian ini disebabkan oleh berbeza kriteria dengan kumpulan responden yang disasarkan. Pemilihan responden yang terlibat bagi kaedah bersemuka adalah secara rawak di tiga buah lokasi yang menjadi keutamaan pengkaji dalam mengedarkan borang soal selidik ini iaitu di Perpustakaan Tun Sri Lanang, kolej-kolej kediaman serta di setiap fakulti yang terlibat. Lokasi-lokasi yang dipilih ini merupakan antara tempat yang paling kerap dikunjungi oleh para pelajar UKM.

Menurut Chua (2006), kaedah soal selidik sangat popular dalam kalangan penyelidik kerana proses pengumpulan data dapat dibuat dengan lebih cepat. Instrumen soal selidik ini dibangunkan daripada

instrumen soal selidik kajian lain dan dibuat sedikit pengubahsuaian bagi menjawab objektif kajian ini. Soal selidik ini dibentuk menggunakan kaedah soalan tertutup. Teknik ini digunakan bagi memudahkan responden membuat pilihan jawapan yang tepat. Set soalan borang soal selidik terbahagi kepada 4 bahagian, iaitu Bahagian A (Demografi responden), Bahagian B (Tahap keberkesanan kemahiran insaniah), Bahagian C (Tahap penguasaan Bahasa Inggeris) dan Bahagian D (Cadangan penambahbaikan).

Bahagian A borang soal selidik mengandungi soalan-soalan mengenai demografi responden seperti jantina, umur, bangsa, fakulti dan tahun pengajian. Maklumat ini merupakan latar belakang diri pelajar dan membolehkan proses membuat kesimpulan yang lebih wajar dan bersesuaian dibuat. Pada Bahagian B pula, penyelidik menumpu kepada tahap keberkesanan kemahiran insaniah. Terdapat 25 soalan yang terdiri daripada 5 konstruk iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran

bekerja dalam kumpulan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran membuat keputusan.

Seterusnya, Bahagian C mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan tahap penguasaan bahasa Inggeris. Bahagian ini mengandungi 10 soalan yang terdiri daripada 3 konstruk iaitu punca gagal, masalah-masalah dan cara-cara untuk menguasai bahasa Inggeris. Manakala, Bahagian D iaitu bahagian terakhir pula berkaitan pendapat responden tentang kepentingan kemahiran insaniah dan bahasa Inggeris kepada mereka.

Skala Likert telah dipilih untuk mengukur maklum balas responden. Skala Likert mempunyai lima nilai skor yang perlu dijawab oleh responden bagi setiap item; 1= Sangat Tidak Setuju, hingga 5 = Sangat Setuju. Borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan kaedah kekerapan untuk mengira berapa kerap sesuatu soalan itu dijawab oleh responden melalui aplikasi SPSS 23 dan juga menggunakan program Smart PLS 3 untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dan menguji hipotesis-

Jadual 1.1: Profil Sampel Kajian (n = 400)

Profil Responden	Sub-Profil	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	107	26.8
	Perempuan	293	73.3
Umur	19 tahun	17	4.3
	20 tahun	52	13.0
	21 tahun	204	51.0
	22 tahun	102	25.5
	23 tahun	5	1.3
	24 tahun	15	3.8
	25 tahun	4	1.0
Bangsa	26 tahun	1	0.3
	Melayu	345	86.3
	Cina	30	7.5
	India	9	2.3
Fakulti	Lain-lain	16	4.0
	Ekonomi dan Pengurusan	50	12.5
	Kejuruteraan dan Alam Bina	50	12.5
	Pendidikan	43	10.8
	Pengajian Islam	50	12.5
	Sains Sosial dan Kemanusiaan	53	13.3
	Sains dan Teknologi	53	13.3
	Teknologi Sains Maklumat	50	12.5
Undang-Undang	51	12.8	
Tahun Pengajian	1	32	8.0
	2	57	14.2
	3	302	75.5
	4	9	2.3

hipotesis kajian (Henseler et al., 2009).

berada pada tahun pengajian ketiga (75.5 peratus).

## HASIL KAJIAN

### Profil Responden

Jadual 1.1 menunjukkan bahawa kebanyakan responden kajian ini terdiri daripada pelajar perempuan (73.3 peratus), berumur dalam 21 tahun (51.0 peratus), berbangsa Melayu (86.3 peratus), merupakan pelajar di Fakulti Sains dan Teknologi (13.3 peratus) dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (13.3 peratus) serta

### Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan

Jadual 1.2 menunjukkan bahawa Nilai Purata Varians yang Diekstrak (*Average Variance Extracted- AVE*) bagi setiap konstruk adalah melebihi nilai kritikal yang diperlukan iaitu 0.5 Ini bererti semua konstruk kajian telah memenuhi kriteria kesahan konvergen (Hair et Al., 2012; Henseler et al., 2009). Manakala, nilai *Heterotrait-monotrait (HTMT)* bagi setiap konstruk adalah kurang daripada nilai kritikal yang diperlukan iaitu 0.85 (Henseler et al., 2015; Hair et al., 2017). Ini bermakna konstruk-konstruk kajian ini telah memenuhi kriteria kesahan diskriminan yang telah ditetapkan

Jadual 1.2: Keputusan Ujian Kesahan Konvergen dan Diskriminan

Pembolehubah	AVE	1	2	3	4	5	6
1. Kemahiran berkomunikasi	0.587						
2. Kemahiran menyelesaikan masalah	0.521	0.707					
3. Kemahiran bekerja dalam kumpulan	0.633	0.656	0.735				
4. Kemahiran kepimpinan	0.644	0.727	0.699	0.700			
5. Kemahiran membuat keputusan	0.608	0.791	0.781	0.700	0.840		
6. Penguasaan Bahasa Inggeris	0.684	0.541	0.479	0.356	0.500	0.526	

Jadual 1.3 menunjukkan nilai muatan faktor bagi hampir setiap item adalah melebihi 0.7 kecuali beberapa item dalam kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran membuat keputusan. Ini menunjukkan bahawa item-item yang melebihi 0.7 ini telah mencapai piawai analisis kesahan dan kebolehpercayaan yang ditetapkan (Gefen dan Straub, 2005), manakala item yang kurang daripada

0.7 adalah sebaliknya. Seterusnya, setiap konstruk mempunyai nilai kebolehpercayaan komposit dan kebolehpercayaan Cronbach yang melebihi 0.8 kecuali kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah dan penguasaan bahasa Inggeris, bererti skala pengukuran mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi (Henseler et al., 2009).

Jadual 1.3: Nilai Pemberat Faktor dan Pemberat Silang untuk Konstruk yang Berbeza

Pembolehubah	Nilai Muatan Faktor	Kebolehpercayaan Komposit	Kebolehpercayaan Cronbach
Kemahiran berkomunikasi	0.650-0.840	0.849	0.765
Kemahiran menyelesaikan masalah	0.422-0.810	0.839	0.758
Kemahiran bekerja dalam kumpulan	0.720-0.870	0.896	0.857
Kemahiran kepimpinan	0.783-0.845	0.901	0.862
Kemahiran membuat keputusan	0.641-0.852	0.885	0.836
Penguasaan Bahasa Inggeris	0.746-0.879	0.866	0.770

Jadual 1.4 menunjukkan bahawa nilai min bagi pemboleh ubah kajian adalah bermula dari 3.73 ke 3.95 bererti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja dalam

kumpulan, kemahiran kepimpinan, kemahiran membuat keputusan dan penguasaan bahasa Inggeris berada di antara tahap Tidak Pasti (3) dan Setuju (4). Manakala, pekali korelasi antara pemboleh ubah

bersandar (kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran membuat keputusan) dan pemboleh ubah tidak bersandar (penguasaan bahasa Inggeris) mempunyai


nilai yang rendah daripada 0.9, bererti data kajian ini tidak mempunyai masalah kolineariti yang serius (Sekaran dan Bougie, 2010). Secara keseluruhannya hampir semua konstruk kajian ini mencapai piawai kesahan dan kebolehpercayaan yang ditetapkan.

Jadual 1.4: Statistik Asas Dan Analisa Korelasi Pearson

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Analisis Korelasi Pearson						
			1	2	3	4	5	6	
1. Kemahiran berkomunikasi	3.75	0.80	1						
2. Kemahiran menyelesaikan masalah	3.95	0.82	0.492	1					
3. Kemahiran bekerja dalam kumpulan	3.79	0.87	0.489	0.593	1				
4. Kemahiran kepimpinan	3.87	0.77	0.506	0.561	0.597	1			
5. Kemahiran membuat keputusan	3.87	0.78	0.556	0.618	0.591	0.715	1		
6. Penguasaan bahasa Inggeris	3.73	0.95	0.356	0.361	0.283	0.407	0.414	1	

Pemboleh ubah tidak bersandar

Pemboleh ubah bersandar  
(Kemahiran Insaniah)



Rajah 1.1: Keputusan Pengujian Hipotesis-Hipotesis Kajian



### Hasil Ujian Terhadap Hipotesis Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan hasil ujian hipotesis. Nilai  $R^2$  dalam model menunjukkan penguasaan bahasa Inggeris telah menyumbang sebanyak 17.7 peratus kepada perubahan dalam pemboleh ubah bersandar kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah (14.5 peratus), kemahiran bekerja dalam kumpulan (10.0 peratus), kemahiran kepimpinan (17.3 peratus) dan kemahiran membuat keputusan (19.2 peratus), dan nilai tersebut dianggap memuaskan (Cohen, 1988).

Manakala keputusan pengujian hipotesis-hipotesis menggunakan analisis modal laluan SmartPLS telah menghasilkan lima penemuan penting; pertama, penguasaan bahasa Inggeris mempunyai perkaitan yang positif dan signifikan dengan kesemua kemahiran insaniah, iaitu : (1) kemahiran berkomunikasi ( $\beta = 0.42$ ;  $t = 10.55$ ), (2) kemahiran menyelesaikan masalah ( $\beta = 0.38$ ;  $t = 8.35$ ), (3) kemahiran bekerja dalam kumpulan ( $\beta = 0.32$ ;  $t = 7.21$ ), (4) kemahiran kepimpinan ( $\beta = 0.42$ ;  $t = 9.89$ ), dan (5) kemahiran membuat keputusan ( $\beta = 0.44$ ;  $t = 10.50$ ). Oleh yang demikian, kesemua hypothesis (H1-H5) diterima.

Secara keseluruhannya keputusan ini mengesahkan bahawa penguasaan bahasa Inggeris berupaya bertindak sebagai pemboleh ubah peramal yang penting kepada kelima-lima aspek kemahiran insaniah.

### PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Inggeris berupaya bertindak sebagai pemboleh ubah peramal yang penting kepada tahap keberkesanan kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran membuat keputusan responden dalam kajian ini.

Dapatan ini menjelaskan bahawa amalan majikan menjadikan penguasaan bahasa Inggeris sebagai salah satu medium dalam pemilihan pekerja adalah tepat dan berasas. Kajian ini mendapati bahawa penguasaan bahasa Inggeris memberikan impak kepada kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar prasiswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dalam konteks kajian yang dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai medium pengajaran dan pembelajaran rasmi, bahasa Inggeris masih mempunyai impak yang signifikan terhadap pembentukan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar.

Oleh yang demikian, adalah amat wajar IPT

memberikan fokus dan pembangunan yang jelas kepada penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Melestarikan penggunaan bahasa Inggeris juga dapat menambahbaik kemahiran insaniah. Justeru, pemantapan penguasaan bahasa Inggeris perlu difikirkan dan dilaksanakan oleh IPT bagi menyediakan graduan yang kompeten kepada industri.

Manakala antara kelemahan yang terdapat di dalam kajian ini bagi penambahbaikan untuk kajian pada masa akan datang adalah hasil kajian ini tidak menggambarkan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia secara keseluruhan. Hal ini disebabkan kajian ini tidak memasukkan pelajar prasiswazah yang berdaftar dengan PKP seperti pelajar hujung minggu dan pelajar eksekutif serta pelajar di kampus UKM Kuala Lumpur sebagai responden disebabkan perbezaan kriteria dengan kumpulan responden yang disasarkan. Jumlah responden juga agak sedikit berbanding jumlah keseluruhan pelajar prasiswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Oleh itu, aspek persampelan perlu lebih spesifik dan dikaji semula bagi menjawab persoalan kajian.

### PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Nurul 'Izzati Binti Mohamad Yuti dan Siti Nur Amieza Binti Had atas pertolongan pengutipan data yang telah dilakukan.

### RUJUKAN

- Abdul Rashid Moahemd, Abdul Ghani Kanesanm Abdullah and Shuki Osman. 2008. Culture of Low Performing Schools. JPPG Conference, Nov. 2008, Langkawi, Kedah, Malaysia.
- Adibah Abdul Latif & Azizah Abu Hanifah. 2008. Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Kalangan Pelajar- Pelajar PKPG Kemahiran Hidup Universiti Teknologi Malaysia.
- Ashari Sikor, Nurul Asmda Mohd Razali, Razali Hassan & Ahmad Rizal Midar. 2010. Penguasaan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kota Bharu. Dalam Ahmad Esa dan Muhamad Zaid Mustafa. Kemahiran Insaniah: Kajian di Institusi- Institusi Pengajian. hlm 125 - 152. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn.
- Azalya Ayob. 2003. Kepentingan Kemahiran Generik Di Kalangan Pekerja Di Industri Elektrik dan Elektronik Di Bayan Lepas. Pulau Pinang. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Tesis Sarjana Muda.
- Aziz Nordin. 2005. Student's Perception on Teaching Learning Mathematics in English. Buletin Fakulti Pendidikan UTM 14 (1): 39 - 47.

- Basri, N. E. A., Zain, S. M., Jaafar, O., Basri, H., & Suja, F. 2012. Introduction to Environmental Engineering: A Problem-Based Learning Approach to Enhance Environmental Awareness among Civil Engineering Students. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 60: 36-41.
- Birrell, B. 2006. Implications of Low English Standards among Overseas Students at Australian Universities. *People and Place* 14(4): 53-64.
- Bjorklund, D. F., & Pellegrini, A. D. 2000. Child Development and Evolutionary Psychology. *Child Development* 71(6): 1687-1708.
- Chua, Piaw Y. 2006. Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan Buku Selangor: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cohen, J. 1988. Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences (2nd ed.). Hillsdale, NJ: Lawrence Earlbaum Associates.
- Collins, N., Yu, M.C., Warner, M. & Rowley, C. 2015. Human Factors in East Asian Virtual Teamwork: A Comparative Study of Indonesia, Taiwan and Vietnam. *The International Journal of Human Resource Management* 28(10): 1475-1498.
- Cruz, M. V. & Bullecer, M. F. 2016. Dual Language Fluency and Math Word Problem Performance of Selected Student. *The Bedan Journal of Psychology* 1: 53-61.
- De Bortoli, L & Macaskill, G. 2014. Thinking it Through: Australian Students' Skills in Creative Problem Solving. Australian Council for Educational Research.
- Fathman, A.K. 1986. Variables Affecting the Successful Learning of English as a Second Language. New York: Tesol Quarterly.
- Gefen, D. & Straub, D.W. 2005. A Practical Guide to Factorial Validity Using PLS-Graph: Tutorial and Annotated Example. *Communications of AIS* 16 (1): 91-109.
- Hair, J. F., Sarstedt, M., Ringle, C. M., and Mena, J. A. 2012. An Assessment of the Use of Partial Least Squares Structural Equation Modeling in Marketing Research. *Journal of the Academy of Marketing Science* 40 (3): 414-433.
- Hair, J.F.J., Hult, G.T.M., Ringle, C.M. & Sarstedt, M. 2017. *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*, 2nd ed., Sage, Thousand Oaks, CA available at: [www.amazon.de/Partial-Squares-Structural-Equation-Modeling/dp/148337744X/ref=sr\\_1\\_1?ie=UTF8&qid=1462617386&sr=8-1&keywords=PLS-sem#reader\\_148337744X](http://www.amazon.de/Partial-Squares-Structural-Equation-Modeling/dp/148337744X/ref=sr_1_1?ie=UTF8&qid=1462617386&sr=8-1&keywords=PLS-sem#reader_148337744X). [Google Scholar]
- Harris, R. 2009. Introduction to Decision Making. [Online] available at: <http://www.oppapers.com/subjects/robert-harris-page1.html>. [December 2, 2016].
- Henseler, J., Ringle, C.M. and Sinkovics, R.R. 2009. The Use of Partial Least Squares Path Modeling in International Marketing, in Sinkovics, R.R and Ghauri, P.N. (Eds), *Advances in International Marketing* 20: 277-320.
- Henseler, J., & Chin, W. W. 2010. A Comparison of Approaches for the Analysis of Interaction Effects Between Latent Variables Using Partial Least Squares Path Modeling. *Structural Equation Modeling* 17(1): 82-109.
- Henseler, J., Ringle, C.M. & Sarstedt, M. 2015. A New Criterion for Assessing Discriminant Validity in Variance-based Structural Equation Modeling. *Journal of the Academy of Marketing Science* 43 (1): 115-135.
- Iksan, Z. H., Zakaria, E., Meerah, T. S. M., Osman, K., Lian, D. K. C., Mahmud, S. N. D., & Krish, P. 2012. Communication Skills among University Students. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 59: 71-76.
- Juan de Weger. 2015. The Influence of Language on Decision-Making. Erasmus University Rotterdam. Master thesis.
- Juliza Ezaida Jumelan. 2014. Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar dalam Penglibatan Aktiviti Kokurikulum Badan Beruniform di UTHM. Tesis Sarjana, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Jumaatol Halisha Bujang. 2006. Study Use of Generic Skills in the Process of Teaching and Learning in Schools, Exercise Science. Universiti Teknologi Malaysia: 1-9.
- Jumrang Mendeng. 2004. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains Matematik dalam Bahasa Inggeris. Tinjauan Persepsi pelajar 3 buah sekolah Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda. Tidak diterbitkan.
- Kadir, K. A., & Noor, W. S. W. M. 2015. Students' Awareness of the Importance of English Language Proficiency With Regard to Future Employment. *World Review of Business Research* 5(3): 259-272.
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2006. *Garis Panduan Modul Pembangunan Insan (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*.
- Low Yen Yeong. 2004. Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sains Tingkatan Satu di Sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Terpilih di Ipoh. Universiti Teknologi Malaysia.
- Marni, N., Mohamed A.K. & Jasmi K.A. 2005. Pembangunan Sifat Bekerja dalam Kumpulan (*Teamworking*) Sebagai Atribut Utama Graduan Ipt: Huraianya Menurut Perspektif Wahyu.
- Mohamad Hazrul Ismail. 2012. Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Prosiding Perkem VII*: 906-913.
- Mohd Hamidi Abdul Hamid. 2002. Pengurusan Sekolah Cemerlang Menurut Islam" Maran: Perniagaan Qomarul Roihan.
- Mohd. Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof. 2002. Kokurikulum Peranan Dan Implikasi." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Taib Dora. 2008. Kemahiran Insaniah: 7 Kompetensi Unggul Mahasiswa. Penerbit: Universiti Teknikal Malaysia.
- Mohd Uzi Dollah. 2006. Pengajaran dan Pembelajaran Matematik melalui Penyelesaian Masalah. Kuala

- Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Qasim Ali, Rabnawaz, Farzana Ali & Waseem Ahmad. 2015. Role of English Language Proficiency for Leadership Qualityies Among Head Teachers. *Journal of Policy Research* 1(2): 94-99.
- Musa, N. C., Koo, Y. L., & Azman, H. 2012. Exploring English Language Learning and Teaching in Malaysia. *GEMA: Online Journal of Language Studies* 12(1): 35-51.
- Nisreen Al-Khawaldeh, Baker Bani-Khair & Yaser Al-Edwan. 2016. The Impact of Poor English Language Proficiency on Professional Development of Professors at Jordanian Universities. *Arab World English Journal* 7(3): 134- 145.
- Rodiah Idris, Siti Rahayah Ariffin & Noriah Mohd Ishak. 2009. Pengaruh Kemahiran Generik dalam Kemahiran Pemikiran Kritikal, Penyelesaian Masalah dan Komunikasi Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Malaysian Journal of Learning & Instruction* 6: 103-38.
- Sarwari, A. Q.; Ibrahim, A. H.; Nor Ashikin, A. A. 2016. The Impact of English Language Proficiency on Interpersonal Interactions among Students from Different Nationalities in a Malaysian Public University. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 24(1): 415-428.
- Sekaran, U & Bougei, R. 2013. Research Methods for Business. Penerbit: John Wiley & Sons Ltd.
- Siti Hamin Stapa, Tg Nor Rizan Tg Mohd Maasum, Rosniah Mustaffa & Saadiyah Darus. 2008. Workplace Written Literacy and Its Effect on the Curriculum. *GEMA Online™. Journal of Language Studies* 8(1): 23-33.
- Tarmizi Amran. 2003. Penguasaan Bahasa Inggeris di Kalangan Pelajar- Pelajar Tahun 4SPA, E dan J, Fakulti Pendidikan UTM: Kajian Tentang Status Penguasaan, Kebolehan Bertutur, Sikap, Motivasi dan Dorongan Ibu Bapa. Tesis Sarjana Muda: Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor
- Walker, A. 2003. School Leadership and Management in the Asia Pacific Region'. In J.P. Keeves & R. Watanabe (eds) *The Handbook of Educational Research in the Asia Pacific Region*. Dordrecht: Kluwer.

Nurhidayani Abd Wahab  
 Pejabat Dekan  
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi,  
 Selangor  
 E-mel: nurhidayaniabdwahab89@gmail.com

Mohd Hasimi Yaacob (Dr.)  
 Pusat Pengajian Pengurusan  
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi,  
 Selangor  
 E-mel: mhasimi@ukm.edu.my

Mohd Helmi Ali (Dr.)  
 Pusat Pengajian Pengurusan  
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi,  
 Selangor  
 E-mel: mohdhelmiali@ukm.edu.my